



Kenyalang terbukti pakar atasi bah

■ Kerajaan cadang bina baraj di tiga negeri pantai timur

Oleh Shamran Sarahan
shamss@hmetro.com.my
Kuching

Kerajaan bercadang memperkenalkan sistem pengawalan pasang surut sungai atau baraj yang dilaksanakan di Sungai Sarawak, di sini, ke negeri di pantai timur Semenanjung.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kecekapan kerajaan Sarawak mengendalikan penggunaan baraj berkesan mengurangkan risiko banjir terutama di bandar raya Kuching dan sekitarnya.

Beliau berkata, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan mengemukakan satu memorandum kepada Kabinet untuk membina baraj di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

"Kerajaan mengakui pengurusan bencana banjir yang dilaksanakan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS) adalah yang terbaik di negara ini.

"Acuan inilah yang kerajaan dapat pelajari dalam jangka panjang. Penggunaan baraj tidak digunakan di negeri lain, justeru, kita

“Pengalaman penggunaan baraj yang dipraktikkan JPBNS akan kita laksanakan di Pahang, Kelantan dan Terengganu”

Ahmad Zahid Hamidi

bercadang membinanya kerana ia terbukti berkesan mengurangkan risiko banjir," katanya pada sidang media selepas menghadiri Taklimat Bencana Banjir di Wisma Bapa, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Menteri Pertahanan dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satem dan Timbalannya, Tan Sri Alfred Jabu Numpang.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi NADMA berkata, sekalipun pembinaan baraj memerlukan kos yang tinggi, namun ia berkesan mengawal limpahan air sungai ketika musim hujan selain mengimbangi paras air pasang.

"Pengalaman penggunaan

Info Baraj Sungai Sarawak, Kuching

- Baraj ialah sistem pengawalan pasang surut sungai.
- Baraj Sungai Sarawak, Kuching dibina pada 1995 dan siap pada November 1997 dengan kos RM150 juta.
- Mempunyai lima pintu berukuran 25 meter setiap satu serta kekunci laluan kapal selebar 25 meter dan sedalam 125 meter, baraj beroperasi menggunakan gabungan sistem hidraulik dan elektronik.
- Dari segi fungsi, kekunci akan ditutup untuk menghalang kemasukan air laut terutama ketika air pasang dan dibuka apabila hujan lebat bagi mengalirkan air sungai sepenuhnya.
- Stesen amaran awal yang beroperasi 24 jam sehari itu turut dipraktikkan bagi membantu operator yang bertugas di bilik kawalan memantau aliran dan paras air.
- Pintu kekunci akan mengalirkan air Sungai Sarawak dalam kuantiti yang kecil untuk memastikan alirannya berterusan ketika melalui bandar raya Kuching.
- Ada juga pintu kekunci disediakan bagi membolehkan laluan kapal dan kenderaan sungai di baraj. Kekunci kapal ini dibina khas di satu bahagian utama baraj dan mempunyai dua laluan.
- Baraj Sungai Sarawak yang dibina sebagai sebahagian daripada Skim Pengawalan Sungai Sarawak pada asalnya bertujuan mengelakkan berulangnya kejadian banjir yang pernah berlaku di bandar raya Kuching pada 1963.

baraj yang dipraktikkan JPBNS dalam menangani masalah banjir di negeri ini akan kita laksanakan di Pahang, Kelantan dan Terengganu.

"Walaupun pembinaannya dilaksanakan secara berperingkat, namun pengalaman Sarawak cukup bermakna kepada NADMA," katanya.